



أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ!، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ
وَأَيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:
يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا
وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

Sidang Jemaah yang berbahagia,

Marilah kita mengucapkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana telah menetapkan kita untuk menganut agama Islam. Kita juga bersyukur kerana dengan izin Allah SWT jua dapat kita bersama-sama berhimpun untuk menunaikan Solat Sunat Idulfitri, melafazkan kalimah suci lagi tinggi yang menggambarkan keagungan, kekuasaan dan kebesaran Ilahi. Kita lakukannya dalam suasana gembira setelah berjaya mengekang godaan nafsu semasa menunaikan ibadah puasa.

Semoga tarbiyyah ramadhan telah mampu menjadi pemangkin ke arah meningkat dan memperkasa daya juang. Kita hendaklah sentiasa beristiqamah dalam membangun kualiti diri demi mempertahankan dan memperbaiki martabat umat Islam.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.



Saudara saya Muslimin yang dikasihi Sekalian,

Apa yang penting bagi kita umat Islam hari ini ialah melakukan muhasabah. Istiqamah melakukan amalan, gigih meningkatkan ketaqwaan dan menghampirkan diri kepada Allah SWT.

Tarbiyyah ramadhan menghendaki supaya kita sentiasa mampu mengawal diri zahir, batin dan seluruh pancaindera daripada melakukan perkara yang dilarang oleh Allah. Kita sentiasa diminta melakukan perkara yang disuruh-Nya dengan penuh ketaatan dan tidak pula ada perasaan untuk membantah walaupun dengan ukuran sebesar zarah. Ini perlu dilakukan di sepanjang kehidupan dan dalam apa jua keadaan.

Kita tidak boleh merasa selesa dan berbangga dengan segala ganjaran yang dianggap telah diterima oleh Allah semasa melakukan pelbagai amalan di bulan puasa, lantas menjadikannya sebagai modal bagi melakukan maksiat dan fasad kerana mempunyai pahala yang cukup hebat untuk ditolak dengan dosa yang bakal diterima. Amatlah malang bagi umat Islam jika mempunyai fahaman seumpama ini kerana yang merupakan bisikan daripada iblis dan syaitan yang ingin merosakkan amalan, keyakinan dan keimanan kita.

Sekalipun Rasulullah s.a.w. membenarkan bergembira di hari raya, tetapi amat jauh berbeza dengan apa kita lakukan hari ini. Sebahagian generasi hari ini tidak memahami persoalan halal dan haram, soal dosa dan pahala, percampuran antara lelaki dan perempuan yang bukan mahram dan kadang-kadang sanggup pula melakukan perkara yang bercanggah dengan syarak yang membuka ruang kemurkaan Allah SWT.



اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

Muslimin yang dirahmati Allah SWT,

Dalam suasana Idulfitri ini, kita digalakkan untuk melaksanakan perkara yang dituntut agama antaranya;

- Pertama : Mewujudkan suasana yang harmoni ketika Hari Raya seperti bertegur sapa, bermanis muka, bersalam-salaman dan bermaaf-maafan untuk mengeratkan ukhuwwah dan kasih sayang.
- Kedua : Kita hendaklah menghubungi dan mengeratkan silaturrahim terutama di kalangan keluarga, sanak saudara, sahabat handai, alim ulama' dan jiran tetangga dengan cara kunjung mengunjungi, ziarah-menziarahi sekalipun terhadap mereka yang telah memutuskan silaturrahim dengan kita.
- Ketiga : Kita disunatkan mengucapkan tahniah di antara sesama muslim dengan ucapan : *تَقَبَّلَ اللَّهُ مِنَّا وَمِنْكُمْ*
- Bermaksud: "Mudah-mudahan Allah menerima ibadat kami dan ibadat kamu".
- Keempat : Kita hendaklah mengajak ahli keluarga memperbanyakkan zikir, tahmid dan tahlil bagi membesar dan mengagungkan Allah SWT.



Kelima : Jangan sekali-kali melakukan sebarang perbuatan yang bercanggah dengan ajaran Islam. Seperti menyambut Hari Raya dengan mengadakan majlis-majlis hiburan, bergaul bebas dan bersalam-salaman antara lelaki dan perempuan yang bukan mahram, menonton filem yang mengghairahkan, bersukaria sambil membuang masa, bergurau-senda dengan kata-kata lucah, lalai dan leka sehingga tidak menunaikan solat dan juga melakukan pembaziran.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

Saudara-saudara yang dikasihi sekalian,

Marilah kita melakukan tindakan yang boleh meningkatkan perpaduan dan silaturrahim sesama kita, kunjung-mengunjung serta meraikan tetamu dengan penuh ikhlas dan suci hati.

Allah menciptakan manusia daripada pelbagai keturunan dan bangsa, lelaki dan wanita, supaya mereka sentiasa saling bekerjasama, bertolak ansur, bermuafakat, berbaik sangka, tidak berpecahbelah, nasihat-menasihati, bertegur-sapa, saling mengucapkan salam dan ziarah-menziarahi.

Firman Allah SWT dalam surah Al-Mukminun ayat 52-54 ;

وَإِنَّ هَذِهِ أُمَّتُكُمْ أُمَّةً وَاحِدَةً وَأَنَا رَبُّكُمْ فَاتَّقُونِ ﴿٥٢﴾
فَتَقَطُّوعًا أَمْرَهُمْ بَيْنَهُمْ زُبُرًا كُلُّ حِزْبٍ بِمَا لَدَيْهِمْ فَرِحُونَ
فَذَرَهُمْ فِي غَمَرَتِهِمْ حَتَّىٰ حِينٍ ﴿٥٤﴾ ﴿٥٣﴾



"Dan sesungguhnya agama Islam ini ialah agama kamu- agama yang satu (asas pokoknya) dan Akulah Tuhan kamu, maka bertaqwalah kamu kepada-Ku. Kemudian mereka menjadikan agama mereka berpecah-belah kepada beberapa aliran, setiap golongan bergembira dengan apa yang ada pada mereka. Maka biarkanlah mereka tenggelam dalam kesesatan itu sehingga ke suatu masa".

Oleh yang demikian, janganlah kerana perbezaan fahaman politik menyebabkan kita runtuh budaya berbudi pekerti, mencaci-maki sesama sendiri. Janganlah kita melakukan tindakan buruk sangka, suka menyebarkan fitnah, sengaja mencari keburukan dan aib orang lain dan mengadu domba, sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w yang bermaksud:

"Sesiapa yang menggembar-gemburkan (pada orang ramai) sesuatu perkara (perkataan) terhadap seseorang muslim untuk menjatuhkan maruah orang tersebut di dunia, pada hal ia tidak demikian, maka wajiblah Allah mencairkan pembawa fitnah tersebut pada hari kiamat dalam api neraka sehinggalah ia dapat membuktikan kebenaran apa yang telah dikatakannya".

(Riwayat At-Tabrani)

Janganlah kita terperangkap dengan mainan nafsu, iblis dan syaitan yang sentiasa ingin menghancurkan perpaduan. Sebaliknya marilah kita bersatu dalam membangunkan semula kekuatan Islam sejati yang diredhai oleh Allah SWT. Dalam usaha membina perpaduan dan penyatuan Ummah hendaklah kita sentiasa terikat dengan tuntutan ajaran Islam yang berdasarkan asas akidah.

Di samping itu, kita juga diminta untuk sentiasa prihatin dan peka terhadap segala permasalahan masyarakat hari ini seperti ancaman akidah, fahaman liberal dan ancaman keruntuhan akhlak. Kita bimbang, dalam kita hendak mencapai kemajuan, akidah kita luntur dan bercelaru dengan fahaman yang salah dan terpesong mengikut ajaran agama yang lain.



Dalam kita hendak mencapai tahap ekonomi yang tinggi, akhlak dan tatasusila sebagai orang Islam tidak diambil berat. Sebaliknya suara untuk kembali menghayati Islam diambil sepi, malah diperkecilkan. Lebih ramai orang berminat ke majlis-majlis hiburan yang melalaikan berbanding dengan menghadirkan diri ke masjid dan surau untuk solat dan menuntut ilmu agama.

Sebagai seorang muslim sejati kita tidak dapat membiarkan segala masalah yang melanda umat terus berlaku tanpa sebarang usaha dan tindakan yang wajar untuk mengatasi atau sekurang-kurangnya mengawal daripada merebak dan berterusan menjadi masalah yang meruncing dan membimbangkan.

Generasi kini perlu diberikan didikan, bimbingan dan sokongan agar mereka memiliki jati diri dan keyakinan yang cukup tinggi, agar mampu menghadapi pelbagai cabaran yang bakal dihadapi. Anak-anak termasuk orang dewasa perlu kembali menghayati budaya ilmu, mencari sebanyak mungkin ilmu-ilmu Islam untuk panduan hidup mereka.

Ibubapa berperanan memimipin dan bertanggungjawab memastikan tidak berlaku kefasadan dalam keluarga. Manakala anak-anak perlu patuh dan mentaati perintah ibubapa, selagi tidak bertentangan dengan ajaran Islam. Saidina Umar bin Al-Khattab pernah berkata;

"Didiklah anak-anak kamu, sesungguhnya mereka dilahirkan untuk zaman yang bukan zaman kamu".

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ أَكْبَرُ.



bermula daripada berikrar dengan hati sampailah ke medan perang yang menuntut pertaruhan diri.

Dalam menghayati semangat Idulfitri, marilah kita mengambil iktibar daripada segala peristiwa yang telah berlaku dahulu dan masa kini serta masa kini. Marilah kita bersiap dengan menyediakan kekuatan dari segi akal, ilmu dan kuasa untuk membina generasi yang berkualiti, yang merdeka jiwanya dan mulia akhlaknya, sentiasa taat kepada Allah SWT dan Rasul-Nya. Insya Allah, dengan demikian kita akan membina sebuah masyarakat yang bersatu padu, kukuh ikatan ukhuwwah, prihatin, sentiasa berkobar semangat jihad untuk menegakkan kalimah Allah.

Marilah kita bersatu tenaga membangun semula kekuatan ummah. Janganlah kita saling menuding jari menyalahkan sesama sendiri apabila berlaku sesuatu perkara. Sepatutnya kita bermuafakat memberi idea yang membina bagi menyelesaikan segala masalah yang melanda. Kita semua adalah sama di sisi Allah SWT, cuma darjat taqwa yang akan membezkannya. Oleh itu, marilah kita berusaha mengelak musibah yang bakal menimpa gara-gara tingkahlaku kita.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
وَمَا أَصَابَكُمْ مِنْ مُصِيبَةٍ فَبِمَا كَسَبَتْ أَيْدِيكُمْ وَيَعْفُوا
عَنْ كَثِيرٍ

"Dan apa jua yang menimpa kamu dari sesuatu kesusahan atau bala bencana, maka ia adalah disebabkan oleh apa yang kamu lakukan (daripada



perbuatan-perbuatan yang salah dan berdosa), dan (Dalam pada itu), Allah memaafkan sebahagian besar dari dosa-dosa kamu". (As-Syura : 30)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَتَفَعَنِي
وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ
مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.



KHUTBAH KEDUA

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،
اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ
وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

اللَّهُ أَكْبَرُ كَبِيرًا، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ كَثِيرًا، وَسُبْحَانَ اللَّهِ
بُكْرَةً وَأَصِيلًا، الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَنْعَمَ عَلَيَّ أُمَّةٍ
مُحَمَّدٍ بِنِعْمَةِ الصِّيَامِ وَجَعَلَ الْعِيدَ بَهْجَتَهَا عَلَيَّ
مَدَى السِّنِينَ وَالْأَيَّامِ.

وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، وَنَصَرَ عَبْدَهُ، وَأَعَزَّ
جُنْدَهُ، وَهَزَمَ الْأَحْزَابَ وَحْدَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا
وَنَبِيَّنَا مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ.



اللَّهُمَّ فَصِّلْ وَسَلِّمْ عَلَي سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ
وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ فِيمَا أَمَرَ وَأَنْتَهُوا عَمَّا نَهَاكُمْ
عَنْهُ وَزَجَرَ.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

Muslimin muslimat Rahimakumullah,

Firman Allah SWT dalam surah Ibrahim ayat 52;

هَذَا بَلَّغٌ لِلنَّاسِ وَلِيُنذِرُوا بِهِ ۗ وَلِيَعْلَمُوا أَنَّ مَا هُوَ إِلَهُ
وَاحِدٌ وَلِيَذَّكَّرَ أُولُو الْأَلْبَابِ ﴿٥٢﴾

"Al-Quran ini disampaikan kepada manusia supaya mereka diberi ingat dan diberi nasihat dengannya, dan supaya mereka mengetahui dengan hajat-hajat yang tersebut di dalamnya bahawa sesungguhnya Allah ialah Tuhan yang Maha Esa, dan supaya orang-orang yang mempunyai fikiran, beringat dan insaf".

Walaupun hari ini kita disunatkan untuk bergembira dan bersukaria dengan memakai pakaian yang indah dan serba baru, tetapi janganlah pula kita lupa akan nasib yang telah dan sedang menimpa sebahagian daripada umat Islam di



Negara kita dan juga di seluruh dunia yang menghadapi ujian dalam bentuk perang, menjadi pelarian, bencana alam, kemiskinan, kebuluran dan tekanan kehidupan. Atas nama perpaduan Islam sejagat, marilah kita hulurkan bantuan, derma yang terdaya sebagai menampilkan rasa simpati yang cukup tinggi ke atas nasib yang mereka harungi. Mudah-mudahan dengan sumbangan yang kita berikan akan dapat meringankan beban dan tanggungan yang sedang mereka rasa dan deritai.

Kepada semua umat Islam yang sedang bergembira di hari yang mulia ini yang mempunyai perasaan kemanusiaan yang halus lagi murni, marilah kita lafazkan doa bersama-sama memohon ke hadrat Allah SWT supaya memberikan pertolongannya kepada umat Islam di seluruh dunia. Marilah juga kita memohon ke hadrat Allah SWT supaya melepaskan mereka semua dan kita juga daripada segala belunggu, tekanan dan simpulan agar dapat meneruskan kehidupan dengan aman.

Dalam soal berlumba-lumba untuk melakukan kebaikan ini janganlah umat Islam sering ketinggalan. Amatlah sedih lagi memilukan jika orang atau pertubuhan bukan Islam terlebih dahulu tampil menghulurkan bantuan sedangkan kita masih ketinggalan untuk memulakan tindakan.

Marilah kita istiqamah mematuhi perintah suruhan Allah dan Rasul-Nya. Ajaklah diri, isteri atau suami, kaum keluarga, sanak-saudra, jiran-tetangga dan anggota masyarakat Islam seluruhnya supaya sentiasa berpegang teguh dengan Islam. Lakukanlah tugas sebagai da'ie dengan cara yang sesuai, berhikmah, bijaksana, tanpa rasa putus asa, untuk menyeru manusia semua supaya menerima kebenaran. Sesungguhnya masa depan dan kemajuan Islam adalah terletak di tangan kita, kita tidak boleh lalai dan leka.



Musuh-musuh Islam bergabung tenaga, berusaha melakukan apa sahaja pada setiap masa untuk mengembangkan fahaman dan agama mereka. Mereka mempunyai rangkaian dan dana yang banyak untuk menghancurkan umat Islam, adakah kita umat Islam telah mempunyai persediaan?, sedangkan segala usaha kita dalam melakukan kerja agama dan amalan mulia, Allah menjanjikan pula pelbagai balasan kebaikan sama ada di dunia mahupun di akhirat.

Seterusnya, jangan kita lupa untuk menghubungkan semula silaturrahim yang telah putus dan mengeratkan yang telah teguh dengan menghidupkan semula amalan ziarah-menziarahi di antara satu sama lain. Ziarahilah orang-orang yang lemah, warga emas, anak yatim dan fakir miskin. Mudah-mudahan kegembiraan Hari Raya dapat dikongsi bersama.

Ingatlah!, ziarah itu bukan jemputan, ziarahlah di masa yang sesuai tanpa menentukan masa kepada tuan rumah yang hendak diziarahi itu, kerana yang demikian akan menyusahkan tuan rumah. Janganlah kita langsung tidak menziarahi lantaran keluarga kita, jiran atau kerabat kita tidak menyediakan rumah terbuka. Ziarah-menziarahi bukan pada hari raya sahaja, malah terbuka sepanjang hari, bulan dan tahun. Elakkanlah pembaziran dalam persiapan Idulfetri termasuk penyediaan makan minum. Berhati-hatilah dalam perjalanan kita dengan memohon doa keselamatan dari Allah SWT.

Marilah kita berselawat kepada Al-Basyir Al-Nazir Muhammad s.a.w., kerana Allah SWT memerintahkan di dalam kitabnya;

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ
ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا



"Sesungguhnya Allah dan malaik-Nya berselawat ke atas Nabi, wahai orang-orang yang beriman berselawatlah ke atasnya dan ucapkanlah salam yang sempurna."
(Al-Ahzab : 56)

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ وَأَنْعِمْ عَلَى عَبْدِكَ وَنَبِيِّكَ
وَرَسُولِكَ مُحَمَّدٍ صَاحِبِ الْمَقَامِ الْمَحْمُودِ
وَالْخَوْضِ الْمَوْدُودِ.

Ya Allah, ampunkanlah dosa sekalian muslimin dan muslimat, mukminin dan mukminat sama ada yang masih hidup ataupun yang telah pergi terlebih dahulu meninggalkan kami.

Ya Allah, tingkatkanlah martabat Islam dan para pengikutnya dari kalangan orang Islam dan hinakanlah penyengutan golongan orang yang syirik kepada-Mu, hancurkanlah musuh-musuh agama-Mu dan berilah rahmat kepada umat Islam, wahai Tuhan yang menguasai sekalian alam.

Wahai Tuhan kami, kami memohon keampunan dari-Mu ya Allah, sesungguhnya engkau Maha Pengampun, turunkanlah rahmat-Mu kepada kami sebagai rahmat yang sentiasa mencurahkan-curahkan.

اللَّهُمَّ إِنَّا خَلَقْنَا مِنْ خَلْقِكَ فَلَا تَمْنَعْنَا بِدُنُوبِنَا
فَضْلَكَ. اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالرِّبَّاءَ



وَالزَّنَا وَالزَّلَازِلَ وَالْمِحْنَ وَسُوءَ الْفِتَنِ مَا ظَهَرَ
مِنْهَا وَمَا بَطَنَ عَنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً وَعَنْ جَمِيعِ
الْبِلَادِ الْإِسْلَامِيَّةِ عَامَّةً.

اللَّهُمَّ فَرِّجْ هُمُومَ الْمَهْمُومِينَ، وَأَقْضِ الدَّيْنَ عَنِ
الْمَدِينِينَ وَأَشْفِ أَمْرَاضَ الْمُسْلِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَرِنَا الْحَقَّ حَقًّا وَارْزُقْنَا اتِّبَاعَهُ، وَأَرِنَا الْبَاطِلَ
بَاطِلًا وَارْزُقْنَا اجْتِنَابَهُ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنْ مُضِلَّاتِ الْأَهْوَاءِ وَمِنْ زَيْغِ
الْأُمْرَاءِ وَمِنْ سُوءِ الْإِفْتِرَاءِ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ
وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.



اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ،
وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْ
تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ
الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ سُلْطَانَ سَلَاعُورِ،
سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم
سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج.
اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهُدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ
وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِيَوْلِيِّ عَهْدِ سَلَاعُورِ، تَعَكُّو أَمِيرِ
شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج
فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا
ذَالْجَلَالَ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطِلْ عُمَرَهُمَا مُصْلِحِينَ
لِلْمُوظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ
الْهُدَى وَالرِّشَادِ.



رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا
عَذَابَ النَّارِ وَأَدْخِلْنَا الْجَنَّةَ مَعَ الْأَبْرَارِ، يَا عَزِيزُ يَا
غَفَّارُ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.